

Negara kenang jasa Datuk Onn

PM ketuai perarakan imbas perjuangan

Oleh Abdul Razak Raaf dan Mohd Roji Abdullah

BATU PAHAT: Lebih 20,000 umat Melayu dari segenap lapisan di seluruh negara berkumpul di sini, bagi menyertai perhimpunan khas menyingkap memori perjuangan pengasas Umno, Datuk Onn Jaafar, semalam.

Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn Jaafar: Pengasas Sebuah Negara Bangsa, itu diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ahli Umno pelbagai peringkat.

Antaranya termasuk Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pelajaran yang juga cucu Datuk Onn, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; adik Datuk Onn, Brig-Jen (B) Datuk Jaafar Onn; serta beberapa menteri Kabinet.

Sebelum perarakan bermula, Abdullah serta semua hadirin pada perhimpunan itu berpeluang menonton tayangan dokumentari khas *Peristiwa-Peristiwa Sebelum 10 Februari 1946* di Dewan Jubli Intan.

Selepas itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, bersama kira-kira 6,000 umat Melayu menyertai perarakan dari Dewan Jubli Intan ke tempat perhimpunan bersejarah di Stadium Batu Pahat.

Sepanduk dengan pelbagai slogan pembakar semangat bagi menentang gagasan Malayan Union yang pernah dijulang penyokong Datuk Onn, 60 tahun lalu, turut dibawa orang ramai yang menyertai perarakan.

Selain itu, kira-kira 100 orang yang menaiki basikal turut menyertai perarakan sebagai simbolik keadaan sebenar penyokong Datuk Onn ketika melaungkan semangat 'Hidup Mela-

yu pada 10 Februari 1946.

Abdul Ghani, yang banyak menyingkap kembali sejarah perjuangan Datuk Onn dalam ucapannya pada majlis itu, menyifatkan kehadiran yang begitu ramai menunjukkan masyarakat Melayu cukup menyanjungi perjuangan pemimpin unggul itu.

"Di sinilah, Datuk Onn melaungkan 'Hidup Melayu' yang menyatukan orang Melayu sejak 60 tahun dulu dan laungan itu bukan sekadar slogan, tetapi pembakar semangat Melayu untuk meneruskan 'hidup sebagai pewaris sah di bumi sendiri,' katanya.

Abdul Ghani kemudian mengajak orang Melayu supaya sedar bahawa tanpa perjuangan Datuk Onn menentang gagasan Malayan Union, hak keistimewaan mereka sudah terkakis.



HAYATI PERJUANGAN MELAYU: Abdullah disambut penuh semangat ribuan rakyat sempena majlis perhimpunan memperingati perjuangan Datuk Onn Jaafar di Stadium Batu Pahat, Johor, semalam.